



KERAJAAN MALAYSIA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **Bumiputera tempatan** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU) atau Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

| Bil | BUTIR-BUTIR UNDIAN  | BUTIR-BUTIR KELAYAKAN  | BUTIR-BUTIR TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK  | BUTIR-BUTIR PENGAMBILAN DOKUMEN  | TARIKH DAN WAKTU TAWARAN TUTUP   |
|-----|---|--|---|--|--|
| 1   | <p>NAIKTARAF JALAN PERHUBUNGAN DESA (JPD) MENUJU KE RH ROSITA, LUBUK PANGGIL, NG. BUDU, SARATOK, SARAWAK</p> <p>(No. Sebutharga : KPLB.SH.170/2019/SWK21)</p> | <p>1. Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) Oleh CIDB<br/>- Gred G2<br/>- Kategori CE<br/>- Pengkhususan CE01,CE21</p> <p>dan;</p> <p>2. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) Oleh CIDB<br/>- Gred G2<br/>- Kategori CE</p> <p>ATAU;</p> <p>1. Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) Oleh CIDB<br/>- Gred G2<br/>- Kategori CE<br/>- Pengkhususan CE01,CE21</p> <p>dan;</p> <p>2. Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)<br/>- Kelas E<br/>- Kepala I, Sub Kepala (1)<br/>- Kepala III, Sub Kepala 1(a), 1(b), 1(d), 1(e), 2(a) / 2(b) &amp; 2(d)</p> <p>DAN;</p> <p>3. Sijil Taraf Bumiputera BPKU atau UPKJ</p> | <p>Tarikh :<br/><b>02 Mei 2019</b><br/>(Khamis)</p> <p>Masa Pendaftaran :<br/><b>02.00 - 03.00 Petang</b></p> <p>Taklimat Tapak :<br/><b>03.00 Petang</b></p> <p>Tempat :<br/>Pejabat Daerah Kecil Nanga Budu<br/>(Kehadiran adalah diwajibkan)</p> | <p>Tarikh:<br/><b>02 Mei 2019</b><br/>(Khamis)</p> <p><b>SELEPAS TAKLIMAT TAPAK</b></p> <p>Harga Dokumen : Percuma</p> | <p>Tarikh Tutup:<br/><b>09 Mei 2019</b><br/>(Khamis)</p> <p>Masa :<br/><b>Pada / Sebelum 12.00 tengahari</b></p> <p>Tempat :<br/>Pejabat KPLB Negeri Sarawak,<br/>Tingkat 2, Blok Pentadbiran, Kampus Institut Kemajuan Desa (INFRA) Cawangan Sarawak<br/>Lot 8185, Blok 26, Muara Tuang Land District<br/>94300 Kota Samarahan, Sarawak</p> |

**KEUTAMAAN AKAN DIBERIKAN KEPADA KONTRAKTOR TEMPATAN :**

1 Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor yang sah dan menghadiri Taklimat beserta Lawatan Tapak sahaja. Untuk maksud ini Kontraktor (Pemilik Syarikat yang dinamakan) hendaklah membawa dokumen-dokumen **ASAL dan SALINAN** (Salinan dokumen tidak akan dikembalikan) seperti dibawah untuk tujuan semakan;

a) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)

b) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) / Sijil Pendaftaran Unit Pendaftaran Kontraktor Dan Juruperunding (UPKJ)

c) Sijil Taraf Bumiputera dari Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU) ATAU UPKJ

d) Kad Pengenalan

2 Sila kemukakan PPK, SPKK/UPKJ, STB yang baru atau surat/resit pembaharuan jika sijil sedia ada akan tamat tempoh kurang dari dua (2) bulan semasa lawatan tapak dan pengambilan dokumen.

3 Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Hanya **PENAMA** di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)/Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juru Perunding Sarawak (UPKJ) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB) sahaja boleh menghadiri taklimat/ lawatan tapak dan **TIDAK BOLEH** mewakilkan pegawai selain daripada **PENAMA** yang dibenarkan di dalam sijil.

4 Kontraktor **TIDAK DIBENARKAN** mengemukakan surat "Kebenaran Khas Menyertai Tender Di Luar Bidang Pengkhususan" yang dikeluarkan oleh Pejabat CIDB DAN Surat kebenaran khas menyertai tender bagi Gred yang lebih tinggi/rendah adalah **TIDAK DITERIMA**.

5 Dokumen Sebut Harga akan dikemukakan selepas lawatan tapak diadakan dan tidak akan dikeluarkan selepas tempoh tersebut di atas.

6 Dokumen yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri ke dalam Peti Tawaran di :-

Pejabat KPLB Negeri Sarawak,  
Tingkat 2, Blok Pentadbiran, Kampus Institut Kemajuan Desa (INFRA) Cawangan Sarawak  
Lot 8185, Blok 26, Muara Tuang Land District  
94300 Kota Samarahan, Sarawak

7 Dokumen yang **LEWAT** diterima selepas tarikh tutup di atas tidak akan dipertimbangkan.

**TARIKH IKLAN : 25 APRIL 2019**